

SOALAN NO: 51

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]

TARIKH : 27 Mac 2018 (Selasa)

**SOALAN : Dr. Azman Bin Ismail [Kuala Kedah]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
senarai pembekal-pembekal baja serta
racun Skim Insentif Peningkatan Padi
serta jumlah bayaran untuk mereka yang
tertunggak oleh pihak Kementerian.
Benarkah bahawa bayaran yang
tertunggak menyebabkan kelambatan
bekalan kepada para petani.**

JAWAPAN

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) merupakan pembekal yang telah dilantik oleh pihak Kerajaan untuk membekalkan baja NPK tambahan, racun dan kapur di bawah Skim insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Buat masa ini tiada jumlah bayaran yang tertunggak oleh pihak Kementerian. Kelewatan yang berlaku adalah merupakan kes-kes terpencil yang telah diatasi.